

24 AUG 2000

Mahathir-Rumah

PROJEK PENGINDAHAN DAN PEMBESARAN KAWASAN KELAHIRAN DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 24 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 30 peratus projek pengindahan dan pembesaran kawasan kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, sudah siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya Mohamed Khaled Nordin hari ini berkata projek bernilai RM5.2 juta itu yang dimulakan Januari lepas dijangka siap mengikut jadual akhir tahun ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat projek itu dan projek pembesaran Institut Latihan Perindustrian Jitra.

Pembangunan kedua-dua projek itu di bawah pengawasan Jabatan Kerja Raya Kedah.

Projek pengindahan dan pembesaran kawasan kelahiran Dr Mahathir di Lorong Kilang Ais melibatkan pembinaan auditorium, rumah pameran dan bangunan pentadbiran di sebuah kawasan berhadapan dengan rumah asal kelahiran Perdana Menteri.

Di samping itu, terdapat kemudahan asas seperti tandas, wakaf dan bilik pengawal.

Rumah asal kelahiran Dr Mahathir, bernombor 18 di lorong itu, masih dikekalkan. Ia ditutup kepada pengunjung mulai Jun hingga akhir tahun ini bagi kerja-kerja baik pulih.

Dr Mahathir dilahirkan di rumah itu pada 20 Dis, 1925.

Projek pengindahan dan pembesaran kawasan kelahiran Dr Mahathir itu dilaksanakan oleh kontraktor Tajar Construction Sdn Bhd.

Mohamed Khaled juga berkata ketika ini 98 peratus penduduk Kedah mendapat bekalan air paip dan baki dua peratus lagi yang tinggal di kawasan pedalaman dijangka dapat menikmati kemudahan itu menjelang tahun 2005.

Bekalan air yang sedia ada mencukupi untuk kegunaan di negeri ini sehingga tahun 2010 dan usaha sedang dibuat untuk menyediakan bekalan mencukupi sehingga tahun 2030, katanya.

-- BERNAMA

JM FAZ